

PENGUKUHAN AQIDAH AHLI SUNNAH WA AL-JAMAAH (ASWJ) DALAM PENDIDIKAN ISLAM KE ARAH MENANGANI GERAKAN SYIAH DI MALAYSIA

Mardzelah Makhsin

Nurulwahida Hj Azid@Aziz

Mohd Aderi Che Noh

Mohamad Fadhli bin Ilias

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Polemik antara Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) dengan golongan Syiah menjadi suatu isu kajian ini disebabkan perselisihan faham tentang amalan dalam mazhab boleh menyebabkan persengketaan yang menjadi punca perpecahan yang akan mengheret kepada permusuhan sehingga menimbulkan kucar kacir kepada negara. Justeru pengukuhan mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) dalam masyarakat Islam di Malaysia amat penting dalam usaha menangani penyebaran Syiah yang membawa kepada konflik dan persengketaan. Justeru kajian pembentukan Model Penghayatan Pendidikan Islam dan Strategi Pengukuhan Akidah diketengahkan sebagai usaha penyatuan umat Islam menerusi kefahaman dan pegangan kepada murid-murid tentang amalan yang berasaskan kepada mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ). Kajian ini melibatkan 700 orang responden kajian yang terdiri daripada Pelajar Menengah Atas di tujuh buah negeri iaitu Melaka, Selangor, Negeri Sembilan Wilayah Persekutuan, Kedah, Pulau Pinang dan Terengganu. Hasil kajian menunjukkan Pendidikan Akidah Dalam Pendidikan di Malaysia perlu diberi penekanan sejak dari sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi kerana golongan ini mudah terpengaruh dengan ajaran sesat. Hasil kajian ini penting dalam memastikan perpaduan umat Islam di Malaysia berasaskan kepada suatu fahaman agar tidak wujud pertikaian yang boleh mendorong kepada permusuhan yang mencetuskan peperangan dalam kalangan umat Islam sendiri seperti yang berlaku di Pakistan dan Iran.

KATA KUNCI: Pengukuhan aqidah, Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah, Gerakan Syiah

PENGENALAN

Pendidikan Islam mempunyai prinsip-prinsip Islam yang bersifat sarwajagat dan kebenarannya tidak mampu dipertikaikannya (Ikhsan Othman & Norila Md Salleh 2010). Ini kerana Islam adalah agama yang tetap dan sesuai untuk diamalkan tanpa mengira batas waktu, tempat dan latar belakang manusia yang mengamalkannya sesuai dengan fungsinya sebagai agama terakhir yang diturunkan Allah kepada manusia sehingga akhir zaman. Prinsip-prinsip Islam berperanan sebagai panduan dalam seluruh kehidupan manusia melalui pengajaran-pengajaran yang berdasarkan dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah s.a.w.

Kedua-dua sumber tersebut telah menggariskan strategi dan pendekatan yang dijadikan panduan bagi membentuk kaedah-kaedah yang tepat dan sesuai dalam melaksanakan proses pendidikan yang dapat membawa umat manusia ke arah kesejahteraan di dunia dan akhirat (Azhar 2006). Pendekatan pendidikan Islam yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah bertujuan untuk mengubah perilaku orang-orang yang beriman melalui pengajaran dan pembelajaran akidah dan nilai-nilai Islam melalui motivasi, pengulangan, menarik perhatian, penyertaan aktif dan berkesan, belajar secara beransur-ansur, usaha perubahan secara berperingkat-peringkat, meniru dan mencontohi, membuat penelitian, refleksi atau berfikir secara mendalam, menegur dan memberi nasihat secara langsung (Najati 1987, 1993; Abdul Rahman 1995; cAbd al-Wahhab 1997; Ablah 2002; Nasir 2002; Azhar 2006; Engku 2007).

Dalam konteks pelaksanaan, al-Sunnah berperanan sebagai model hidup dan praktikal kepada pelaksanaan strategi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti yang telah digariskan oleh al-Quran (Najati 1993; Syed Ali Ashraf 1997). Rasulullah S.A.W telah memainkan peranan sebagai model dalam proses pembentukan generasi para sahabat sehingga mereka mampu mengatur sendiri proses pembelajaran mereka dan seterusnya membentuk perilaku, jiwa dan keperibadian yang mulia dan cemerlang seperti yang terbukti dalam sejarah kegemilangan umat Islam (Najati 1993). Segala strategi dan pendekatan yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah ini juga telah diperkembangkan oleh para sarjana pendidikan Islam melalui penggunaan beberapa strategi, kaedah dan aktiviti yang sesuai dengan keperluan semasa bagi menghasilkan kesan pendidikan yang lebih mantap khususnya dalam mengukuhkan kefahaman mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) ke arah menangani penyebaran Syiah yang mendorong kepada ajaran sesat.

Polemik antara Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) dengan golongan Syiah menjadi suatu isu dalam karya-karya ilmiah ulama terdahulu. Antara isu yang dibahaskan berkaitan mazhab ASWJ yang dipegang oleh majoriti umat Islam diibaratkan seperti aliran sungai utama yang mempunyai cabang-cabang sungai kecil yang berbilang, manakala Syiah pula diibaratkan seperti salah satu daripada aliran-aliran sungai kecil yang menyimpang daripada aliran utama tersebut. Polemik yang berlaku antara golongan ASWJ dan Syiah telah mencetuskan kemelut dan persengketaan yang berpanjangan di seluruh dunia. Isu Syiah berakar umbi daripada permasalahan politik yang berlaku pada zaman Sayyidina Ali sehingga menimbulkan permasalahan dasar dalam agama iaitu akidah. Ia bukan hanya sekadar perbezaan dari aspek amalan seperti perbezaan yang berlaku antara mazhab yang empat iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'e dan Hanbali, namun melibatkan soal iktikad yang jelas bertentangan dengan akidah sejati ASWJ. Dalam hal ini, kesucian akidah perlu dipertahankan daripada terus diselewengkan oleh golongan-golongan ahli bid'ah yang tersasar daripada panduan asas yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Sehubungan itu, Senator Mejar Jeneral Dato" Jamil Khir b. Hj Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam sidang parlimen pada 9 Mac 2011, telah melarang penyebaran ajaran Syiah di Malaysia tanpa turut menghalang pengamalan ajaran tersebut di negara ini. Ini bererti ajaran ini masih bebas untuk diamalkan di Malaysia oleh pengikutnya. Namun kesan pengamalannya adalah sukar untuk dijamin sejauh mana ia tidak disebarkan kepada orang lain. Ini kerana terdapat golongan yang mempertahankan hak mereka sebagai pengikut Syiah diberi kebebasan untuk menjalankan aktiviti atas dasar hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, terdapat enam buah negeri yang telah mewartakan larangan terhadap penyebaran fahaman Syiah iaitu; Pulau Pinang, Terengganu, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka.

AHLI SUNNAH WA AL-JAMA'AH (ASWJ)

Ahli Sunnah wa al-Jama'ah merupakan suatu istilah yang tersusun daripada rangkaian tiga suku kata Bahasa Arab. Ketiga-tiga suku kata ini mempunyai maksud yang tersendiri. Ia akan melahirkan satu rangkaian makna yang tertentu ataupun khusus apabila ia dilihat dari sudut pemaknaan istilah. Perkataan Ahl jika dilihat dari sudut literal, bererti ahli keluarga, pengikut atau golongan. Dari sudut terminologi, bermaksud mereka yang mengikut atau berpegang dengan sesuatu [kalimah] yang disandarkan kepada perkataan Ahl tersebut, seperti ahl al-madhhab ia merujuk kepada mereka yang berpegang dengan mazhab tersebut. Sebagaimana maksud sebuah hadis:

"Barangsiapa yang mempelopori sunnah yang baik, lalu diamalkan orang selepasnya maka dia mendapat pahalanya dan pahala seperti pahala-pahala mereka (yang mengikutinya) tanpa berkurang sedikit pun pahala-pahala mereka. Barangsiapa yang mempelopori sunnah yang buruk lalu diamalkan orang selepasnya maka dia menanggung dosanya dan dosa-dosa seperti dosa mereka tanpa berkurang sedikitpun dosa-dosa mereka".

Manakala dari sudut terminologi, al-sunnah mengandungi erti; sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W., sama ada yang terdiri daripada katakatanya, perbuatan, pengakuan, sifatnya dan sejarah hidupnya, sama ada sebelum kenabian mahupun selepas kenabian. Ia juga bermaksud jalan yang ditempuh oleh Nabi S.A.W. dan para sahabatnya yang selamat daripada syubhat dan hawa nafsu. Di sisi para fuqaha, perkataan al-sunnah bermaksud perkara yang pasti datangnya daripada Nabi S.A.W. yang terdiri daripada perbuatannya dan percakapannya. Perkataan al-Sunnah tersebut telah digunakan oleh para fuqaha bagi menggambarkan

perbuatan yang berlandaskan kepada petunjuk Nabi, dan al-Sunnah dengan maksud ini merupakan antonim bagi bid'ah.

Al-Sunnah juga merujuk kepada jalan yang dilalui oleh Nabi Muhammad S.A.W yang terdiri daripada ilmu, amalan, keperibadian, akhlak dan adab yang dipraktikkan dalam segenap urusan kehidupan yang pelbagai. Menurut Ibn al-Jawzi, istilah ahli sunnah merujuk kepada ahl al-naql wa al-athar yang telah mengikut Rasulullah S.A.W. dan para sahabatnya yang tidak pernah melakukan perkara-perkara baru dalam agama. Ibn Hazm pula mendefinisikan ahl al-Sunnah adalah mereka yang terdiri daripada para sahabat dan semua yang mengikut manhaj mereka; yang terdiri daripada para tabien, ahl al-Hadith dan pengikut mereka dari kalangan para fuqaha generasi ke generasi sehingga hari ini dan orang awam yang mengikut para fuqaha. Namun begitu, penggunaan istilah Ahli Sunnah pada zaman tersebut tidak digunakan dengan alasan golongan yang hidup pada zaman tersebut lebih dikenali dengan panggilan sahabat, tabien dan tabi" tabien. Istilah Ahli Sunnah mula digunakan secara meluas pada awal zaman pemerintahan Khilafah al-'Abbasi (132-232H/749-847M) bagi membezakan antara golongan yang berbeza dari aspek akidah iaitu golongan ASWJ yang mengikut al-Quran dan al-Sunnah dengan golongan yang ekstrem menggunakan akal iaitu golongan Mukhtazilah.

Dalam konteks ajaran akidah yang dipegang oleh ASWJ berasaskan segala yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabat iaitu berpandukan al-Quran dan al-Hadith. Namun, pada ketika itu, tidak ada suatu metod penyampaian akidah yang tersusun serta sistematik, berasaskan hujah-hujah tekstual dan akliah. Maka pada zaman yang seterusnya pengajian tentang aqidah ini telah disusun dengan cara yang lebih sistematik oleh dua orang ulama" yang mahir dan pakar dalam bidang Usuluddin iaitu al-Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari dan al-Imam Abu al-Mansur al-Maturidi agar mudah difahami. Disebabkan jasa mereka begitu besar terhadap umat Islam pada zaman mereka dan pada zaman selepasnya, maka penyebutan ASWJ sering dikaitkan dengan kedua-dua ulama ini. Secara amnya, Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah merujuk kepada mereka yang telah berada di atas manhaj yang diperkenalkan oleh golongan al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah dari sudut akidah. Hal ini adalah suatu yang masyhur dalam kalangan majoriti para ulama ketika mengidentifikasikan golongan yang dinamakan sebagai ASWJ ini. Justeru, aqidah yang benar dan diyakini oleh para ulama" salaf al-soleh adalah aqidah yang diyakini oleh al-Asy'ariyyah dan al-Maturidiyyah. Ini adalah kerana pada hakikatnya kedua-dua tokoh ini tidak melakukan suatu pekerjaan bid'ah dalam agama, bahkan mereka hanyalah meneruskan perjuangan para salaf a-Isaleh dalam menyebarkan akidah yang dibawa oleh baginda Rasulullah S.A.W. dan menyusun secara sistematik dan menjelaskan akidah tersebut kepada umat Islam. Aqidah ASWJ adalah aqidah yang diyakini oleh ratusan juta umat Islam, dan telah diijmakkan oleh mazhab Syafi'e, Maliki, Hanafi, serta pendokong utama mazhab Hanbali.

SYIAH

Syiah adalah mazhab yang menolak tiga orang Khalifah al-Rasyidin yang awal dan menganggap Sayyidina Ali sebagai pengganti Nabi Muhammad S.A.W. yang sah. Ia juga merujuk kepada suatu kelompok yang besar dalam kalangan umat Islam yang bersepakat pada mencintai dan mengasihi Sayyidina Ali dan ahli keluarganya dan berpendapat bahawa mereka adalah orang yang paling berhak mewarisi kepimpinan (al-imamah). Menurut Muhammad Abu Zuhrah, Syiah merupakan sebuah mazhab politik yang paling lama wujud di dalam Islam. Syiah muncul di hujung era pemerintahan Sayyidina Uthman bin Affan dan berkembang pada era pemerintahan Sayyidina Ali bin Abi Talib. Ibn Hazm berpendapat bahawa perkataan Syiah merujuk kepada mereka yang bersepakat dengan golongan Syiah dalam mengatakan bahawa Sayyidina Ali merupakan orang yang paling afdal selepas Rasulullah S.A.W. dan individu yang paling berhak dalam memimpin umat Islam. Menurut beliau lagi, sesiapa yang tidak sealiran dalam dakwaan tersebut, maka orang tersebut bukanlah daripada kalangan Syiah. Secara umumnya, selain mendakwa bahawa Sayyidina Ali bahawa merupakan seorang sahabat yang paling afdal dalam kalangan para sahabat yang lain, mereka juga turut bersepakat bahawa Sayyidina `Ali adalah merupakan pengganti yang telah dipilih oleh Nabi Muhammad S.A.W. secara nas. Oleh sebab itu, al-Tusi dan al-Mufid (dua tokoh besar Syiah) telah mengeluarkan sebahagian daripada golongan Syiah al-Zaidiyyah daripada kelompok Syiah kerana mereka tidak mengakui khilafah Ali secara nas. Ibn Abi al-Hadid, seorang tokoh Syiah berpendapat bahawa terdapat beberapa orang sahabat yang telah bersependapat dengan golongan Syiah dalam melebihkan Sayyidina Ali daripada para

sahabat yang lain. Mereka yang dimaksudkan adalah; `Ammar b. Yasir, al-Miqdad b. al-Aswad, Abu Dhar al-Ghiffari, Salman al-Farisi, Jabir b. `Abdullah, Ubay b. Ka`ab, Hudhaifah, Buraidah, Abu Ayyub al-Ansari, Sahl b. Hunaif, `Uthman b. Hunaif, Abu al-Haitham b. al-Tihan, Abu al-Tufail `Amir b. Wailah, al-`Abbas b. `Abd al-Muttalib dan seluruh Bani Hasyim. Walau bagaimanapun Abu Hanifah berpendapat, asas akidah yang dianuti oleh golongan Syiah secara umum adalah menyesatkan para sahabat. Ini selari dengan pandangan al-Haytami yang menjelaskan bagaimana Syiah al-Rafidah telah mengkafirkan para sahabat disebabkan mereka telah menolak nas pengangkatan Sayyidina Ali sebagai imam.

Dari aspek sejarah, sebahagian cendekiawan Barat berpendapat bahawa golongan Syiah lahir disebabkan pengaruh Parsi yang telah menyerap masuk ke dalam Islam menerusi pengislaman orang-orang Parsi pada ketika itu. Ini kerana, orang Parsi berpegang dengan pegangan bahawa pemerintah adalah berdasarkan salasilah beraja dan kerusi pemerintahan tersebut adalah diwarisi kerana mereka tiada pengetahuan tentang sistem pemilihan khalifah. Justeru apabila Nabi Muhammad S.A.W. wafat, maka Syiah berpendirian bahawa yang paling layak untuk menggantikan Baginda dalam menguruskan ummah adalah Sayyidina Ali b. Abi Talib disebabkan Rasulullah S.A.W. tidak mempunyai anak lelaki. Sesiapa yang mengambil jawatan tersebut, seperti Sayyidina Abu Bakr, Umar dan Uthman, maka mereka telah merampas jawatan tersebut yang sepatutnya diwariskan kepada ahli keluarga Nabi Muhammad S.A.W. Namun, terdapat juga para ulama yang berpendapat bahawa golongan ini lahir hasil daripada perancangan Yahudi disebabkan usaha yang telah dilakukan oleh `Abdullah b. Saba" yang cuba melebihi Sayyidina Ali daripada sahabat-sahabat yang lain dan mengagung-agungkannya sehingga ke peringkat mempertuhankan Sayyidina Ali. Abu Zuhrah berpendapat bahawa, golongan Syiah muncul pada akhir pemerintahan Sayyidina Uthman dan ia semakin berkembang ketika zaman pemerintahan Sayyidina Ali. Hal ini disebabkan, ketika Sayyidina Ali bercampur dengan umat Islam dalam melaksanakan tugas khalifah, kebanyakan para sahabat telah berasa ta`ajjub terhadap kehebatan kepimpinannya dan kelebihan yang Allah kurniakan kepadanya. Maka oleh sebab itu, mereka menyebarkan pemikiran mereka yang melampau-lampau dalam membangkitkan sentimen persengketaan dalam kalangan umat Islam. Antara isu yang dipolemikkan adalah mengkafirkan para sahabat selain bersikap prejudis terhadap al-Quran, kerana bagi mereka naskah al-Quran yang ada kini telah berlaku tokok tambah dan pengurangan. Mereka mendakwa, nas perantikan Sayyidina Ali sebagai imam sebenarnya terdapat di dalam al-Quran, namun para sahabat telah membuangnya daripada al-Quran. Mereka juga turut mendakwa bahawa al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W tidak boleh dijadikan pegangan. Hal ini turut membawa kepada penafian mereka terhadap syariat yang menjadi pegangan umat Islam keseluruhannya. Natiujahnya, mereka telah melakukan penyelewengan terhadap syariah dengan menghalalkan apa yang dihukum haram di sisi syarak dan mengharamkan apa yang dihukum halal menurut syarak seperti perbuatan menghalalkan nikah mutaah, liwat isteri dan kanak-kanak, arak, judi, menghalalkan makan bangkai dan sebagainya (Mohd Fauzi Hamat & Mohd Sobri Ellias, 2011).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kajian kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif melibatkan penggunaan soal selidik Amalan Pendidikan Islam yang dijawab oleh 700 orang pelajar dan output dari soal selidik ini dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Pemilihan sampel pelajar iaitu seramai 700 orang adalah berlandaskan dan mewakili tujuh buah negeri iaitu Pulau Pinang, Terengganu, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah. Manakala pelajar sekolah menengah harian pula dipilih dari kelompok pelajar-pelajar yang berada di Menengah Atas, iaitu Tingkatan 4 hingga 6. Dalam konteks kajian ini, pemilihan pelajar ini adalah berdasarkan pelajar Menengah atas diandaikan mampu untuk menilai diri sendiri dan mampu berfikir secara waras untuk membezakan perbuatan yang baik dengan yang buruk. Manakala, kajian berbentuk kualitatif pula melibatkan analisis dokumen iaitu buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Pengkaji turut menggunakan kaedah temubual bersama guru-guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian memfokuskan kepada tiga output utama iaitu output pertama, amalan pendidikan Islam dalam aspek latar belakang pelajar dan keluarga, pengetahuan pelajar, pegangan pelajar, perasaan pelajar, dan kebiasaan pelajar. Output kedua pula hasil analisis dokumen iaitu buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dan output ketiga tentang hasil temubual guru tentang pemahaman mereka terhadap Ahl Sunnah wa Jamaah dan Syiah.

AMALAN PENDIDIKAN ISLAM

Amalan Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar dapat dianalisis melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 700 orang pelajar. Borang soal selidik tersebut merujuk kepada lima aspek utama dalam kajian ini iaitu latar belakang pelajar keluarga, pengetahuan pelajar, pegangan pelajar, perasaan pelajar dan kebiasaan pelajar yang terdapat dalam borang soal selidik. Hasil dapatan kajian melaporkan bahawa para pelajar yang menjawab soal selidik tersebut sudah baligh kerana mereka dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 hingga 6. Dalam aspek bilangan pelajar yang mengikuti pendidikan prasekolah/tadika, majoriti pelajar iaitu seramai 692 orang mengikuti pendidikan prasekolah/tadika. Hal ini bermaksud majoriti pelajar mempunyai pengetahuan atau pendidikan awal sebelum mereka beranjak ke sekolah rendah. Manakala, bakinya seramai 8 orang tidak mengikuti pendidikan prasekolah/tadika. Hal ini mungkin berpunca dari sikap ibubapa yang tidak mementingkan pendidikan awal, ataupun mereka mempunyai masalah sampingan seperti sumber ekonomi yang tidak cukup. Jenis tadika yang dihadiri pelajar pula dipelopori oleh Tadika Kemas dengan 350 orang pelajar berbanding Tadika Islam yang hanya 327 orang pelajar. Manakala, 15 orang pelajar menghadiri Tadika Swasta. Data ini jelas menjelaskan bahawa sesetengah ibu bapa mungkin tidak menitikberatkan pendidikan Agama di usia awal, ataupun mereka membuat anggapan bahawa Pendidikan Agama boleh diajar di rumah. Walaubagaimanapun, data ini tidak menggambarkan bahawa pelajar yang menghadiri tadika selain tadika Islam tidak memiliki pengetahuan Agama.

Dalam aspek tahap umur pelajar menunaikan solat, perbezaan seramai 23 orang pelajar dapat dikesan apabila 357 orang pelajar belajar menunaikan solat ketika di sekolah rendah, berbanding hanya 334 orang pelajar belajar sebelum usia mereka 7 tahun. Perbezaan ini menjelaskan bahawa sebahagian besar ibu bapa tidak begitu menitikberatkan kepentingan solat fardhu diajar seawal usia 7 tahun. Malahan, terdapat juga pelajar iaitu seramai 9 orang pelajar yang mula belajar solat ketika mereka di sekolah menengah. Golongan ini mungkin memiliki institusi kekeluargaan yang bermasalah seperti tidak mementingkan solat ataupun terdapat masalah peribadi pelajar itu sendiri.

Begitu juga tahap umur pelajar membaca Al-Quran, majoriti pelajar membaca Al-Quran sewaktu mereka di sekolah rendah iaitu seramai 376 orang, manakala 313 orang pelajar membaca Al-Quran sewaktu usia mereka mencecah 7 tahun. Manakala, 11 orang pelajar dikesan mula membaca Al-Quran sewaktu di sekolah menengah. Sama seperti tahap umur pelajar menunaikan solat, golongan remaja yang lambat mempelajari ilmu agama mungkin memiliki institusi kekeluargaan yang bermasalah seperti tidak mementingkan pembacaan Al-Quran ataupun terdapat masalah peribadi pelajar itu sendiri.

Dalam aspek kekerapan ibu menunaikan solat di rumah, majoriti pelajar mengatakan ibu mereka kerap menunaikan solat di rumah, iaitu seramai 632 orang pelajar dan 56 orang pelajar mengatakan ibu mereka tidak menunaikan solat di rumah. Selebihnya 12 orang pelajar mengatakan mereka tidak pasti sama ada ibunya menunaikan solat di rumah. Anak-anak akan memerhati sikap ibu bapanya, khususnya dalam aspek solat. Bagi ibu yang tidak menunaikan solat, anak-anaknya cenderung untuk tidak menunaikan solat. Dalam aspek kekerapan bapa menunaikan solat di rumah pula, 649 orang pelajar mengatakan bapa mereka ada menunaikan solat di rumah. Manakala 38 orang pelajar mengatakan bapanya tidak menunaikan solat di rumah, dan 13 orang pelajar mengatakan mereka tidak pasti. Situasi ini mungkin berkemungkinan para pelajar jarang melihat bapa mereka solat di rumah kerana bapa mereka sibuk mencari rezeki dan berkemungkinan bapa mereka selalu tiada di rumah. Walauapapun alasannya, kepincangan institusi kekeluargaan bermula apabila ketua keluarga tidak mementingkan solat sebagai tiang agama. Hal ini akan memudaratkan sang anak kerana mempengaruhi pegangan iman yang lemah dan mudah dipengaruhi oleh ajaran sesat.

Seterusnya, dalam aspek kekerapan ibu mengaji Al-Quran di rumah, majoriti pelajar iaitu 621 orang pelajar mengatakan bahawa ibu mereka mengaji Al-Quran di rumah, manakala 61 orang pelajar mengatakan ibunya tidak mengaji Al-Quran dan selebihnya 18 orang mengatakan mereka tidak pasti. Bagi ibu yang suri rumah atau tidak bekerja, mereka sudah pastinya mempunyai masa yang terluang dan banyak dengan mengaji Al-Quran. Bagi ibu yang bekerjaya dan sering pulang ke rumah lewat, mereka pastinya tidak sempat untuk mengaji Al-Quran. Walauapa jua alasan, ibu seharusnya memainkan peranan dalam mendidik anak-anak mengaji Al-Quran dengan mendidik diri sendiri terlebih dahulu untuk mengaji Al-Quran. Dalam aspek kekerapan bapa mengaji Al-Quran di rumah pula, 641 orang pelajar mengatakan bapa mereka kerap mengaji Al-Quran manakala 39 orang tidak mengaji dan baki 20 orang tidak pasti. Sama seperti solat sebagai tiang agama, bapa sebagai ketua keluarga juga perlu menitikberatkan amalan membaca Al-Quran kerana Al-Quran merupakan sumber pegangan hidup. Anak-anak yang tidak dididik dengan Al-Quran mempunyai pegangan iman yang lemah.

Sikap ibubapa yang mengambil berat tentang solat pula melihatkan seramai 690 orang pelajar mengatakan ibubapa mereka bersikap ambil peduli tentang solat, manakala hanya 10 orang pelajar mengatakan ibubapa mereka tidak peduli. Institusi kekeluargaan yang mantap perlu dikukuhkan melalui amalan solat secara berjemaah supaya dapat mencapai dan mengekalkan keharmonian keluarga. Institusi kekeluargaan yang bersikap endah tidak endah pada solat akan berasa suatu kekosongan dan mereka tidak akan dapat ketenangan.

Dalam aspek pihak yang mempengaruhi amalan Islam dalam kehidupan pula dapat dibahagikan kepada tiga sumber utama iaitu diri sendiri, keluarga dan sumber luar seperti guru, rakan, media sosial, media massa, penceramah dan persekitaran. Bagi sumber diri sendiri, terdapat suatu dorongan kuat dalam diri pelajar bahawa mereka wajib mengamalkan amalan Islam dalam kehidupan tanpa perlu dipengaruhi oleh pihak sesiapaupun. Allah SWT dan Rasulullah SAW serta para sahabat nabi dijadikan sebagai dorongan kuat dalam diri. Bagi sumber keluarga pula, ibubapa, datuk nenek, adik beradik dan saudara mara memainkan peranan penting. Walaubagaimanapun, terdapat pelajar yang mengatakan hanya ibu atau hanya bapa sahaja yang memberi pengaruh kepada mereka. Situasi ini menggambarkan ibubapa pelajar tidak bersama-sama dalam mendidik pelajar tentang amalan Islam dalam kehidupan.

Selain itu, dalam aspek pengetahuan, 447 orang pelajar mengatakan mereka hanya mempunyai pengetahuan tentang Ahl Sunnah wa Jammah dan tidak mempunyai pengetahuan tentang Syiah. Manakala 253 orang pelajar mengatakan mereka mempunyai kedua-dua pengetahuan tentang Ahl Sunnah wa al-Jamaah dan Syiah. Pelajar seharusnya didedahkan dengan maklumat berkenaan Ahl Sunnah wa al-Jamaah dan Syiah supaya mereka mengetahui ajaran Islam yang sebenar dan dapat membezakan ajaran sesat. Dalam aspek pegangan pula, keseluruhan pelajar iaitu 700 orang pelajar mengatakan mereka berpegang teguh pada Ahl Sunnah wa al-Jamaah. Hal ini sekaligus menjelaskan bahawa tiada pelajar dikesan menganuti ajaran sesat Syiah dan aqidah mereka berada di jalan yang lurus.

Menurut pelajar, mereka mengamalkan Rukun Islam dan Rukun Islam dalam mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Rukun Islam terdiri daripada mengucapkan dua kalimat syahadah, menunaikan solat lima waktu dalam sehari semalam, berpuasa pada bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan melaksanakan haji bagi mereka yang mampu manakala Rukun Iman terdiri daripada beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada Rasul, beriman kepada hari Kiamat dan beriman kepada Qada dan Qadar. Mereka menjelaskan selain ibadah-ibadah yang wajib dilaksanakan, mereka turut melaksanakan ibadah-ibadah sunah seperti solat sunat dan puasa sunat. Dapat dirumuskan bahawa dalam mengamalkan ajaran Islam, mereka berpegang teguh kepada Al-Quran dan Hadis sebagai sumber pegangan dan rujukan.

Pengukuhan Ahl Sunnah wa Jamaah dalam Pendidikan Islam menurut pelajar. Ahl Sunnah wa Jamaah merupakan pegangan aqidah yang benar di dalam Islam. Pengukuhan ini merupakan panduan dalam pengamalan kehidupan seharian manusia dan pendedahan tentang amalan yang betul. Walau bagaimanapun, pengukuhan ASWJ perlu diberi pendedahan kepada pelajar. Antaranya, pemantapan pengukuhan Ahl Sunnah Wa Jamaah dilaksanakan melalui praktikal amali dan tidak beroeintasikan teori semata-mata, topik tentang

Ahl Sunnah Wa Jamaah juga perlu lebih banyak ditekankan dan diperbanyak, memperbanyak petikan Al-Quran dan Hadis dalam pembelajaran harian dan meliputi pemeraksanaan untuk membendung Syiah. Pengukuhan Ahl Sunnah wa Jamaah adalah wajib dan perlu kerana masyarakat khususnya pelajar terdedah dengan pelbagai ajaran sesat. Pengukuhan ini secara keseluruhannya penting dan perlu dilaksanakan secara berterusan kerana ia memberikan pengetahuan kepada sesiapa yang mempelajari Pendidikan Islam yang merupakan pendidikan wajib yang harus dipelajari di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Para pelajar berpendapat bahawa, Syiah di Malaysia semakin berleluasa dan membimbangkan sehingga merosakkan aqidah agama Islam. Masyarakat kurang mengetahui Syiah di Malaysia kerana penyebaran Syiah adalah secara rahsia berikutan undang-undang Malaysia menentang Syiah. Maka, kesedaran masyarakat terhadap fahaman Syiah juga perlu digiatkan kerana terdapat umat Islam yang bersikap sambil lewa dan ambil mudah tentang Syiah. Ajaran ini bertentangan dengan *Ahl Sunnah wa al-Jamaah* dan sangat mengagungkan Saidina Ali. Perbezaan ketara dapat dilihat dalam aspek cara menunaikan solat. Selain itu, Syiah menghalalkan darah atau membunuh sedangkan dalam Islam, membunuh hanya dibolehkan jika terdesak atau perlu sahaja. Antara ciri-ciri lain Syiah adalah nikah mut'ah dan banyak amalan bidaah. Ia kelihatan seperti Islam, namun hakikatnya amalan Syiah bukan daripada ajaran Islam sehingga segelintir umat Islam terpesong. Intipatinya hanya berkisar kepada Saidina Ali dan ahli bait sahaja.

Perbincangan dapatan kajian dalam aspek skor min pegangan pelajar memberikan gambaran bahawa pegangan Ahl Sunnah wa al-Jamaah berada pada paras interpretasi tinggi manakala item soalan tentang pegangan Syiah berada pada paras interpretasi rendah. Pembinaan item-item soalan dalam bahagian ini dibina bagi mengkaji pegangan pelajar sama ada ke arah Ahl Sunnah wa al-Jamaah ataupun Syiah. Justeru itu, data yang diperolehi membuktikan bahawa aqidah pelajar tidak terpesong ke arah Syiah dan berpegang kuat kepada

Ahl Sunnah wa al-Jamaah.

Dalam aspek skor min perasaan pelajar pula, pembinaan item-item soalan ini dibahagikan kepada item kekerapan perasaan terhadap Ahl Sunnah wa al-Jamaah ataupun Syiah. Hasil data mendapati bahawa majoriti item soalan tentang perasaan terhadap Ahl Sunnah wa al-Jamaah berada pada paras interpretasi tinggi, tetapi terdapat dua item soalan yang berada pada paras interpretasi sederhana rendah dan sederhana tinggi. Item soalan Ahl Sunnah wa al-Jamaah yang berada pada paras interpretasi sederhana rendah adalah tentang perasaan pelajar yang kurang gemar menonton program berunsurkan agama di televisyen. Manakala, item yang berada pada paras interpretasi sederhana tinggi adalah tentang perasaan pelajar yang kurang suka membaca buku-buku berkaitan ilmu feqah. Manakala item soalan tentang perasaan terhadap Syiah berada pada paras interpretasi rendah kecuali dua item soalan tentang menyembunyikan sesuatu perkara sekiranya ia boleh membahayakan diri atau harta benda dan yakin bahawa suatu hari dunia ini akan diperintah oleh imam yang hilang dan yang akan kembali untuk memerintah dan menghukum orang-orang melakukan kezaliman, pada paras sederhana rendah. Berdasarkan data tersebut, para pelajar ternyata kurang menggemari program-program berunsurkan kegamaan. Oleh itu, program-program sedia ada perlu diteliti semula pengisiannya supaya dapat menarik golongan remaja.

Seterusnya, skor min kekerapan tingkah laku pelajar juga dibahagikan kepada dua bahagian, kebiasaan terhadap Ahl Sunnah wa al-Jamaah atau Syiah. Berdasarkan data, majoriti item soalan tentang kebiasaan terhadap Ahl Sunnah wa al-Jamaah berada pada paras interpretasi tinggi, kecuali item soalan tentang item penerangan Islam kepada rakan-rakan bukan Islam, item soalan berusaha mengahafal hadis-hadis Nabi SAW menunaikan solat di awal waktu, dan item soalan bangun pada waktu malam untuk menunaikan solat tahajjud adalah pada paras interpretasi sederhana tinggi. Manakala item soalan tentang kebiasaan terhadap Syiah berada pada paras interpretasi rendah. Berdasarkan data tersebut, kebiasaan pelajar pada hari-hari adalah berorientasikan tingkah laku Ahl Sunnah wa al-Jamaah.

RUMUSAN

Hasil kajian ini adalah suatu usaha dalam meningkatkan penghayatan Pendidikan Islam murid sekolah menengah di Malaysia. Tujuannya agar murid memahami dan mempunyai pendirian yang jelas tentang

akidah yang benar dan tidak mudah terpengaruh dengan ajaran sesat. Dalam kajian ini, pengukuhan aqidah dikenal pasti dari aspek mazhab ASWJ dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Pengukuhan ini bertujuan untuk membentuk strategi penyelesaian masalah aqidah dalam isu berkaitan perbezaan mazhab yang mencetuskan persengketaan umat Islam di Malaysia. Sehubungan itu Model Penghayatan Pendidikan Islam dan Strategi Penyelesaian Masalah Aqidah adalah alternatif dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berupaya melahirkan murid-murid yang berfikiran kritis dalam menangani isu-isu semasa ke arah pembentukan modal insan yang cemerlang dunia dan akhirat. Ini sejajar dengan hasrat negara dalam memperkasakan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai jawapan terbaik ke arah wahdah atau perpaduan ke arah kesejahteraan negara, dan menolak ajaran Syiah yang mendorong kepada persengketaan dan perpecahan umat Islam di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil dapatan kajian Geran RACE di bawah kod SO: 12967.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ab.Halim Tamuri & Yusoff, N. M. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri dan Mohd Yusoff Zulkifly. (2007). A Study on Malaysian Secondary Students' Perceptions on the Teaching of Akhlaq. *Journal Muslim Education Quarterly*, 23(3&4):16-32.
- Ahmad Bin Jusoh (1997). *Kualiti buku teks Pendidikan Islam KBSM: Analisis kandungan*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hamed M. Adnan. (2007). Mencari ciri-ciri buku teks terbaik. *Prosiding Kolokium Buku Teks: Aspek Teknikal Penerbitan. Bahagian Buku Teks*. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Harian Metro. (2011, Januari 5). *Nasib Interlok Diketahui Tidak Lama Lagi: Wee*.
- Ismail Abas. 2001. *Kesan kaedah penyelesaian masalah pengajaran akidah terhadap peningkatan kemahiran berfikir kritis di kalangan pelajar tingkatan empat*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mohammad Rahim Mohammed Abdul Rahman. (2000). *Persepsi guru terhadap buku teks Pendidikan Islam KBSR*. Disertasi Sarjana Pengurusan Pendidikan, Universiti Malaya
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Sobri Ellias. (2011). *Perbezaan Fahaman Syiah Imamiyyah dan Ahli Sunnah Wal Jemaah*. Sumber R&D. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Mohd. Nishat Faisal. (2010, Jun). Analysing the barriers to Corporate Social Responsibility in supply chains: An Interpretive Structural Modelling approach. *International Journal of Logistics: Research And Applications*, 13(3), 179-195
- New Straits Times. (2006, Ogos 30). *MP: History Books Do Not Reflect Nations Past*.
- Saipuddin Salleh. 2003. Talfiq dalam perkara ibadat di kalangan masyarakat Islam di Malaysia: satu penilaian hukum. Disertasi. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Slavin, R. (1987). A theory of school and classroom organization. *Educational Psychologist*, 22, 89-108.
- Slavin, R. (1994). A theory of school and classroom organization. Dalam R. Slavin, (Ed.), *School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Sinar Harian (2013, Julai 30) *Fahaman Syiah dalam Buku Teks*.
- The Sun. (2008, January 17). *Gender segregation taught in textbook*.
- Utusan Malaysia. (2006, Ogos 31). *Pemuda Gerakan Pertikai Buku Teks Sejarah*
- Utusan Malaysia. (2007, November 13). *Kementerian Pelajaran Pertahan Kualiti Buku Teks*.